

NO. SOALAN: 250

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

RUJUKAN : 8730

SOALAN:

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai bilangan orang yang dilucutkan kewarganegaraan mengikut kaum, negeri asal (Perlis, Selangor, dll) dan negara destinasi (Singapura, UK, Australia dll) dari tahun 2000 hingga tahun 2015.

JAWAPAN:

Jumlah warganegara Malaysia yang telah dilucutkan kewarganegaraan dari tahun 2000 hingga tahun 2015 adalah seramai 130 orang dan perincian mengikut tiga (3) kaum tertinggi adalah:-

Bil.	Kaum	Jumlah (Orang)
1.	Cina	73
2.	India	40
3.	Eurasian	3

Manakala perincian mengikut lima (5) negeri asal tertinggi adalah:-

Bil.	Negara Asal	Jumlah (Orang)
1.	Malaysia	106
2.	India	3
3.	China	1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

SOALAN : 251

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos biasiswa luar negara yang dibelanjakan dari tahun 2000-2015 mengikut bidang (perubatan, kejuruteraan dan sebagainya) dan lokasi (UK, US dan sebagainya).

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata kos perbelanjaan Kerajaan untuk seorang pemegang biasiswa JPA untuk setiap tahun adalah berbeza mengikut negara dan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar. Anggaran kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan luar negara adalah antara RM38,115 hingga RM277,515 setahun. Anggaran kos bagi seorang pelajar tajaan JPA dalam bidang perubatan adalah sebanyak RM43,561.00 setahun di negara Mesir dan sebanyak RM277,515 setahun di negara United Kingdom. Manakala anggaran kos bagi seorang pelajar tajaan JPA bagi bidang kejuruteraan adalah sebanyak RM61,774.00 setahun di negara Jerman dan sebanyak RM187,898.00 setahun bagi negara United Kingdom.

Sekian. Terima kasih.